



کمترین کواغن دان ایکونومی
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



برونی دارالسلام سنترال بگٹا
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

SIARAN AKHBAR BERSAMA

AMARAN MAKLUMAT PALSU MENGENAI PELANCARAN PLATFORM PELABURAN

Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan bahawa artikel laman sesawang www.capital-brain-ai.pro yang bertajuk '*Brunei Darussalam government launches government bond platform*' bertarikh 6 Oktober 2025 adalah palsu. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk lebih berhati-hati serta tidak mudah mempercayai artikel-artikel seperti yang sedemikian tanpa memastikan kesahihan maklumat terlebih dahulu.

Barang siapa yang menipu dengan menyamar, jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan didenda di bawah Bab 419 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22. Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga ingin menegaskan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi menyebarkan maklumat palsu di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148, yang mana individu yang didapati menyebarkan berita palsu secara lisan atau bertulis atau dengan apa jua cara lain dan menyebabkan ketidakteraman orang ramai boleh dikenakan denda sebanyak B\$3,000 atau penjara selama 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk melaporkan sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan, sila hubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui +673 8380007/fci@bdcb.gov.bn, serta hubungi Talian Bantuan Anti-Penipuan di 16993. Sekiranya menjadi mangsa penipuan, orang ramai disarankan untuk melaporkannya dengan segera kepada bank atau institusi kewangan berkenaan, serta Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di balai polis berhampiran, atau hubungi talian kecemasan 993. Untuk mendapatkan senarai institusi-institusi kewangan dan individu yang dileSENKEN oleh BDCB serta BDCB Alert List, sila layari laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
dengan kerjasama
Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 11 Oktober 2025
19 Rabiulakhir 1447
Rujukan: KKW/ADM/70



كمترین کواعن دان ایکونومی
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM



برونئی دارالسلام سنترال بھا
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

JOINT PRESS RELEASE

FALSE INFORMATION REGARDING THE LAUNCH OF AN INVESTMENT PLATFORM

The Ministry of Finance and Economy would like to inform the public that the article published on the website www.capital-brain-ai.pro, titled “*Brunei Darussalam government launches government bond platform*” and dated 6 October 2025, is false. The public is strongly advised to exercise caution and not to easily trust such articles without first verifying the authenticity of the information.

The act of cheating by impersonation is punishable under Section 419 of the Penal Code, Chapter 22 and carries a penalty of imprisonment for a term not exceeding 7 years and fine, upon conviction. In addition, disseminating false information that can likely cause public alarm is a criminal offence under Section 34 of the Public Order Act, Chapter 148, that carries a penalty of a fine of B\$3,000 or 3 years imprisonment or both.

To report any suspicious financial activities, please contact Brunei Darussalam Central Bank's (BDCB) Financial Consumer Issues at +673 8380007/fci@bdcb.gov.bn, and the Anti-Scam Helpline at 16993. If you have fallen victim to a scam, you are advised to immediately report it to your bank or financial institution, as well as to the Royal Brunei Police Force (RBPF) at the nearest police station, or by calling the emergency hotline at 993. For the list of financial institutions and individuals licensed by BDCB, as well as the BDCB Alert List, please visit BDCB's official website at www.bdcb.gov.bn.

**Ministry of Finance and Economy
Negara Brunei Darussalam
in collaboration with
Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 11 October 2025
19 Rabiulakhir 1447
Rujukan: KKW/ADM/70